

Headline	44 kakitangan UUM ikuti Bengkel Semakan Strategi Azam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	21	ArticleSize	177 cm ²
AdValue	RM 1,539	PR Value	RM 4,617



MINAH (tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama kakitangan yang mengikuti Bengkel Semakan Strategi Azam dan Pelan Tindakan UUM Press di Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

44 kakitangan UUM ikuti Bengkel Semakan Strategi Azam

BENKEL. Seramai 44 kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah mengikuti Bengkel Semakan Strategi Azam 2013 dan Pelan Tindakan UUM Press 2014-2015 di Kelab Cinta Sayang, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

UUM Press ditubuhkan oleh pihak universiti berkenaan, bertanggungjawab dalam

penerbitan bahan bacaan ilmiah untuk dipasarkan.

Sebelum bengkel dimulakan, peserta mengikuti taklimat khas mengenai pelan tindakan dan perancangan disampaikan oleh Pengarah UUM Press, Datin Dr. Minah Harun.

Penyelaras bengkel itu, Abdul Qhafur Abdul Mutalib berkata, peserta mengikuti enam sesi ceramah antaranya mengenai

hala tuju UUM Press semasa dan akan datang, ketepatan masa dalam penerbitan, pengemaskinian rumusan daripada unit dan pelan strategi tahun 2014-2015.

"Perbincangan bersama ketua-ketua unit banyak memberi manfaat semasa bengkel ini dijalankan bagi memantapkan lagi UUM Press," katanya.